

18/06/1998

Ucapan dasar presiden akan jadi tumpuan

Kamal Ahmad

PERWAKILAN Umno pasti cenderung mendengar dan memperkatakan isu nepotisme, korupsi dan kronisme dalam Perhimpunan Agung Umno, kali ini. Walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan kesan perbincangan nepotisme dan kronisme boleh menjejaskan serta menyukarkan rakyat dan negara namun pasti masih ada yang tetap berminat membincangkan isu berkenaan.

Kali ini, perwakilan tidak lagi menyentuh soal politik wang dan gejala sosial walau ia belum selesai malah tidak ada cara terbaik mengekangannya setakat ini.

Bagaimanapun, terminologi kronisme, korupsi dan nepotisme yang tiba-tiba mengambil alih tempat, dilihat sebagai fokus utama perbahasan. Kebetulan pula terminologi itu popular menjelang Perhimpunan Agung Umno - sekali gus dianggap masa dan platform paling tepat untuk menghentam pucuk kepemimpinan parti dan kerajaan.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno perlu mengambil kesempatan tumpuan daripada semua pihak terhadap perhimpunan kali ini untuk menjawab dan menerangkan segala kebimbangan, keraguan dan kekeliruan yang berlaku sekarang.

Isu utama yang perlu disentuh ialah bagaimana menyelamatkan ekonomi daripada memasuki lurah parah dan memulihkannya. Ekonomi adalah isu pertama yang perlu ditangani dalam perhimpunan ini.

Ucapan dasar presiden pasti menjadi asas kepada banyak perkara selepas perhimpunan itu. Ia akan dianalisis dan diperhalusi. Kenyataan Dr Mahathir akan diolah menjadi spekulasi politik yang akan memberi kesan langsung kepada pelabur dan politik serta titik akhirnya ekonomi negara.

Ucapan beliau akan dilihat sebagai gambaran tindakan yang bakal diambil dalam menangani beberapa masalah. Bagaimanapun, kurang pasti sama ada beliau akan menyentuh soal takrif atau memberi hala tuju maksud reformasi dan ketegasan kerajaan menangani korupsi, nepotisme serta kronisme.

Begitu juga dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mula dipertikaikan, maka Dr Mahathir dijangka memberi pembayang apakah usaha-usaha kerajaan melakukan pembedahan dalam satu eksperimen yang dianggap berjaya itu; serta ubah suai dalam Dasar Pensewastaan dengan unsur yang seolah-olah ada kaitan dengan kronisme.

Penjelasan juga perlu mengenai tujuan menyuntik modal beberapa syarikat gergasi; bahagian Bumiputera dalam Tabung Makanan, Tabung Industri Kecil dan Sederhana, serta Tabung Perumahan Negara; kesan kejatuhan ringgit dan saham terhadap peratusan ke ekonomi negara serta ancaman jurang ekonomi Bumiputera.

Namun, apakah wajar memberi ruang kepada perwakilan meluahkan pandangan dan menghentam kepemimpinan tertinggi Umno dalam isu nepotisme dan kronisme? Atau, perlukah pada masa yang sama Presiden dalam ucapan dasar dan timbalan serta ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno yang menggulung perbahasan serta ketua pemuda dan wanita memberi takrif reformasi dalam konteks tempatan?

Dari sudut yang lebih asas, ahli Umno adalah menjadi faktor penentu siapa pemimpin mereka sama ada cawangan, bahagian dan MT. Ahli sebenarnya ada kuasa paling besar dan memainkan peranan besar dalam tugas check and balance terhadap kepemimpinan di peringkat atas. Jika berlaku ada pemimpin yang mengamalkan politik wang dan gejala lain maka kesalahan juga perlu dituding kepada ahli.

Jadi, jika perwakilan dan pemimpin membangkitkan soal nepotisme dan kronisme, maka terlebih dahulu tanya diri secara ikhlas apakah mereka sendiri benar-benar bersih? Tanya diri sendiri, apakah mereka benar-benar jujur dan ikhlas menjadi ahli Umno atau memimpin untuk memperjuangkan bangsa dan negara? Kenapa dengan menjadi ketua atau ahli jawatankuasa peringkat tertentu gaya hidup mereka berubah? Kenapa projek begitu banyak? Kenapa boleh berniaga itu dan buka kedai ini? Dari mana datangnya wang sedangkan sebelum memegang jawatan itu mereka adalah orang biasa?

Ahli Umno mengharap sesuatu daripada kepemimpinan peringkat cawangan yang kemudian mendesak sesuatu daripada kepemimpinan peringkat bahagian. Dan peringkat itu menadah sesuatu daripada peringkat tertinggi.

Oleh itu, jika ada perwakilan mahu membahaskan soal nepotisme dan kronisme, maka itu wajar. Tetapi jangan hipokrit dan memprojek diri sendiri seolah-olah suci dan bebas daripada kronisme dan nepotisme.

Lebih penting, fikirkan bagaimana ahli, parti, bangsa dan negara boleh diselamatkan. Janganlah memindah atau menyamakan maksud korupsi, kronisme dan nepotisme di Indonesia sama dengan Malaysia?

Anggota Kelab Ahli Parlimen Umno (UMPC), Akhbarkhan Abdul Rahman (ahli Parlimen Libaran), berkata fokus dalam perhimpunan kali ini perlu diberi kepada usul ekonomi iaitu berbincang bagaimana menangani kegawatan sekarang demi kepentingan, kebahagiaan dan kesejahteraan ramai.

"Tidak ada salahnya mengkritik dasar-dasar kerajaan tetapi jika seseorang itu ada access dengan MT Umno, maka gunakan platform itu untuk dibangkit dan dibincangkan secara tertutup. Selesaikan secara kekeluargaan Umno. Elak membuat kritikan isu sensitif secara terbuka.

"Dalam perhimpunan itu, usul ekonomi perlu diberi tumpuan bukan soal nepotisme dan kronisme. Ekonomi adalah nadi kestabilan sosial dan politik. Kenapa isu itu tiba-tiba perbesar-besarkan ketika ekonomi gawat sedangkan ketika negara mewah, masing-masing senyap. Kenapa sekarang dibangkitkan? Bagi saya isu ini sangat sensitif. Jangan membuat rakyat hilang kepercayaan dan naik muak dengan Umno. Kesannya sangat buruk. Janganlah mengambil kesempatan dalam keadaan kesempitan," katanya.

Mengupas isu yang sama, Ketua Pengarah Eksekutif L&G Twintech, Prof Dr Ismail Salleh, berkata sekarang tidak ada masa dan tenaga lagi untuk membincangkan perkara remeh-temeh dan bertelagah pendapat sesama sendiri.

"Carilah satu fokus dan carilah satu dasar yang berfokus tetapi tidak membabitkan banyak strategi. Ini penting supaya ekonomi kembali ke landasan asal.

"Ingatlah, sejarah menunjukkan peringkat toleransi kaum di negara ini berkait rapat dengan kedudukan ekonomi," katanya sambil menegaskan DEB berjaya melahirkan usahawan Melayu dalam tempoh lima atau enam tahun lalu tetapi golongan itu sekarang terjejas teruk kerana kegawatan ekonomi.

Tambahan pula, antara 30,000 hingga 40,000 orang akan keluar daripada sistem pendidikan dan memasuki pasaran kerja. Mereka dianggap golongan yang cenderung kepada gelagat revoltik dan jika tidak diambil langkah-langkah berani mencari jalan keluar ia juga merupakan satu perkara yang akan menyebabkan masalah.

Beliau turut menekankan keseimbangan dalam pertumbuhan dan pembangunan negara kerana ia akan melahirkan ekonomi mapan.

Dengan mencerna keadaan dan hakikat negara sekarang, maka Umno dan kerajaan harus menumpukan usaha serta fikiran menangani perkara berikut:

- * Menggariskan tindakan drastik jangka pendek yang mudah untuk menstabilkan ekonomi selain langkah jangka panjang yang dilaksanakan kerajaan.

- * Menjelaskan kepada ahli Umno dan rakyat mengenai punca kegawatan sebenarnya iaitu faktor luar negara yang tidak boleh dikawal oleh kerajaan.

* Memperbaiki kelemahan dalaman khususnya dalam Umno dan birokrasi pentadbiran awam yang dilihat masih ada ruang yang mengizinkan penyalahgunaan kuasa.

* Memperkukuhkan barisan ahli Umno dan parti serta meminimumkan adu-domba di peringkat pucuk kepimpinan supaya kekuatan dan fokus ditumpukan kepada usaha pemulihan ekonomi.

* Menyusun dan menggerakkan jentera terbaik menghadapi pilihan raya umum. Umno dan BN perlu menjamin kemenangan bagi memastikan kesinambungan kestabilan politik dan sosial, serta pemulihan dan pertumbuhan ekonomi yang malap sekarang.

Selain resolusi daripada Kongres Pemantapan Ekonomi Negara anjuran Pemuda Umno, difahamkan Kelab Ahli Parlimen Umno (UMPC) juga ada kertas kerja yang bertajuk 'Kegawatan Ekonomi: Agenda Bumiputera'. Dalam soal ini, usaha kedua-dua pihak dihargai tetapi alangkah baiknya jika kekuatan Umno itu disatukan kemudian digemblengkan bersama idea tokoh ekonomi, strategik dan sosial Melayu untuk merumuskan tindakan menyeluruh dan lebih berkesan.

Selepas perhimpunan ini, perlu ada usaha yang disatukan di kalangan Melayu untuk merintis jalan menyelamatkan seluruh ekonomi dan kepentingan Melayu.

Insafilah, menggugat Umno bermakna percubaan menjejaskan kestabilan politik. Umno sebagai tulang belakang dan jantung kerajaan perlu dipelihara daripada serangan-serangan melulu.

Janganlah sia-siakan baki masa dan kekuatan yang ada untuk berdebat dan berpolemik perkara remeh. Fikirkan kesejahteraan, kepentingan dan keamanan rakyat sebagai keutamaan wahid.

(END)